

KREATIVITI DAN KETABAHAN INDIVIDU: MENJUNJUNG DARJAT SENI DI TENGAH CABARAN AKADEMIK

Creativity and Individual Resilience: Upholding The Dignity of Art Amid Academic Challenges

Muhammad Safwan Mohd Shariff*

Highlands International Boarding School Genting Highlands KM10, 69000 Genting Highlands, Pahang,
Malaysia

Muhammadsafwanshariff5037@gmail.com

*Penulis koresponden

Diterima: 25 Mac 2025; **Disemak semula:** 26 April 2025; **Diterima:** 22 Mei 2025; **Diterbitkan:** 23 Jun 2025

To cite this article (APA): Mohd Shariff, M. S. (2025). Kreativiti dan Ketabahan Individu: Menjunjung Darjat Seni di Tengah Cabaran Akademik. *Jurnal Peradaban Melayu*, 20(1), 85-92. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.1.8.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol20.1.8.2025>

ABSTRAK

Perkembangan seni visual dalam kalangan pelajar memerlukan bukan sahaja bakat semula jadi tetapi juga ketekunan, disiplin, dan integriti individu. Dalam konteks pendidikan seni, pelajar sering dihadapkan dengan cabaran akademik yang kompleks, termasuk tekanan institusi, persaingan antara rakan sebaya, dan keterbatasan sumber kreatif berasaskan model praktis studio seramik. Artikel ini meneliti bagaimana pelajar dapat mengekalkan dan mengembangkan kreativiti mereka di tengah-tengah cabaran tersebut, sambil mengekalkan darjat seni yang tinggi dan integriti dalam penghasilan karya. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes dan analisis karya seni bagi menilai hubungan antara usaha berterusan, ketabahan individu, dan pencapaian kreatif. Analisis menunjukkan bahawa pelajar yang memberi penekanan kepada proses kreatif yang sistematik, pengurusan masa yang berkesan, dan kesedaran estetika yang mendalam, mampu menghasilkan karya yang bukan sahaja reflektif tetapi juga bermakna, meskipun menghadapi halangan akademik. Selain itu, dapatan kajian menekankan bahawa ketabahan, kesungguhan, dan kemahuan untuk belajar secara berterusan memainkan peranan penting dalam membentuk identiti kreatif pelajar. Hasil ini juga menunjukkan bahawa pemerksaan individu, bimbingan yang adil daripada tenaga pengajar, serta penghargaan terhadap usaha dan dedikasi, merupakan elemen utama dalam pembangunan bakat seni yang holistik. Oleh itu, pendidikan seni tidak hanya menumpukan kepada hasil akhir karya tetapi juga menekankan proses pembelajaran yang membina daya tahan, kemahiran refleksi, dan kreativiti berterusan. Kajian ini memberi sumbangan penting kepada pemahaman tentang bagaimana pelajar seni dapat menyeimbangkan tuntutan akademik dengan aspirasi kreatif, serta memperkuat strategi pengurusan diri untuk pencapaian seni yang berkesan.

Kata Kunci: kreativiti, ketabahan, darjat seni, pendidikan seni, pembangunan individu

ABSTRACT

The development of visual arts among students requires not only natural talent but also perseverance, discipline, and personal integrity. In the context of art education, students are often confronted with complex academic challenges, including institutional pressure, peer competition, and limited creative resources based on studio-based ceramic practice models. This article examines how students can sustain and develop their creativity amid these challenges while maintaining high artistic standards and integrity in art production. This study adopts a case study approach and artwork analysis to evaluate the relationship between continuous effort, individual resilience, and creative achievement. The analysis shows that students who emphasize a systematic creative process, effective time management, and deep aesthetic awareness are able to produce works that are not only reflective but also meaningful, despite facing academic constraints. Furthermore, the findings highlight that resilience, commitment, and a willingness to engage in continuous learning play a crucial role in shaping students' creative identities. The results also indicate that individual empowerment, fair guidance from educators, and recognition of effort and dedication are key elements in the holistic development of artistic talent. Therefore, art education should not focus solely on the final outcomes of artworks but should also emphasize learning processes that cultivate resilience, reflective skills, and sustained creativity. This study makes an important contribution to understanding how art students can balance academic demands with creative aspirations, while strengthening self-management strategies for effective artistic achievement.

Keywords: *creativity, resilience, artistic merit, art education, individual development*

PENGENALAN

Pendidikan seni visual bukan sahaja bertujuan untuk mengembangkan kemahiran teknikal, tetapi juga untuk membentuk identiti dan ketahanan mental pelajar. Namun, dalam konteks pendidikan seni di Malaysia, terdapat cabaran yang signifikan yang mempengaruhi perkembangan pelajar berbakat. Kajian oleh Nor Eliza Md Nasir (2013) menyoroti masalah kekurangan minat dan kemahiran dalam kalangan pelajar terhadap Pendidikan Seni Visual, terutamanya di peringkat sekolah menengah dan berlanjutan kedalam peringkat universiti. Selain itu, kajian oleh Ahmad Suffian Asmawi Ponijan et al. (2019) menunjukkan bahawa pelajar sering dipilih untuk aliran seni berdasarkan keputusan peperiksaan tanpa mempertimbangkan minat dan bakat sebenar mereka, yang boleh menjejaskan motivasi dan prestasi mereka dalam subjek seni.

Dalam menghadapi cabaran ini, ketahanan dan kreativiti individu menjadi kunci utama. Pelajar yang mampu mengekalkan semangat berkarya walaupun menghadapi halangan dapat menunjukkan darjat pencapaian yang tinggi dalam seni visual. Oleh itu, penting untuk menekankan pentingnya usaha berterusan dan sokongan yang adil dalam membentuk generasi seni yang berkualiti. Keadaan ini banyak disebabkan oleh segelintir pendidik yang meremehkan bakat sehingga pelajar menjadi tawar hati dan memakan rasa kesian tajamnya lidah seorang pendidik yang berilmu namun tidak beradab. Kejayaan bagi seseorang pelajar dalam mendalami ilmu adalah ketekunan, niat dan nawaitu. Emosi dan akal menjadi kunci kejayaan dengan adanya sokongan dan dorongan kecil daripada persekitarannya.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kekangan Akademik dan Struktur Pendidikan:

Pelajar seni visual sering menghadapi jadual akademik yang padat dan kurikulum yang menekankan teori berbanding praktik kreatif, sehingga mengurangkan masa untuk berkarya dan mengeksplorasi kreativiti. Sehingga segelintir pendidik membandingkan mata pelajaran dan subjek sehingga memerli dan menghina. Tidak cukup dengan itu, bakat pendidik sendiri tidak sehebat pelajar.

Perbezaan hanya tahap pembelajaran cara dan prosedur. Tahu dan faham namun tidak mengamalnya. Pendidik seperti ini banyak di peringkat sekolah dan universiti. Hanya menjual nama dan menggunakan hasil ciplak karya serja gerak kerja orang lain. Kajian oleh Ahmad Suffian Asmawi Ponijan et al. (2019) menunjukkan bahawa pemilihan pelajar ke aliran seni sering berdasarkan keputusan akademik formal, bukan minat sebenar, yang menjejaskan motivasi dan ketekunan.

Kurangnya Sokongan Emosi dan Profesional

Pelajar yang berbakat mungkin tidak mendapat bimbingan yang konsisten atau mentor yang memberi inspirasi, menyebabkan mereka merasa terpinggir walaupun mempunyai potensi tinggi. Hal ini sering terjadi bagi pendidik pilih kasih dan memilih siapa mereka ingin menurunkan ilmu dengan berbahagi. Ada yang betul ada yang tidak betul dengan menilai di depan umum. Pendidik sebergini liar dan berperwatakan baik namun kejam.

Sokongan emosi dan professional ini 2 suku kata yang berbeza, keadaan dan situasi ini sering kali berlaku kepada pendidik yang lebih mengutamakan kelebihan pelajar demi periuk nasi. Tekanan daripada persaingan sesama pelajar atau ketidakadilan dalam penilaian juga boleh menjejaskan semangat berkarya. Pendidik tidak mahu mendengar dan menilai dengan tulus. Hal ini menyebabkan pelajar makan hati dan kesan itu membuahkan hasil setelah roda dan tanggungjawab itu berpusing.

Isu Pembangunan Identiti Kreatif

Cabaran akademik dan tekanan institusi boleh mengekang pembentukan identiti artistik pelajar. Dimana pendidik banyak memutuskan untuk mengikuti telunjuk dan selera pendidik tanpa memikirkan untuk mengasah dan membantu serta membimbing pelajar untuk berdaya saing dan bermutu. Pembangunan identity hasil daripada paksaan bukan dari bakat dan minat menyebabkan generasi pelapis seterusnya menjadi kecil dan kepupusan bakat. Ia akibat oleh pendidik yang lara sehingga mengutamakan kajian dan penyelidikan mereka demi pangkat dan minat mereka sahaja.

Tanpa peluang untuk mengekspresikan kreativiti secara bebas, pelajar mungkin sukar membina darjat pencapaian dan keunikan karya mereka. Peluang dianggap kecil mampu memberi impak yang besar. Dimana kesemua ini dilalui oleh penyelidik. Sepanjang penyelidikan dijalankan, penyelidik sering dibantu dan dibimbing oleh penyelia dan pensyarah yang memahami tanggungjawab dan erti pendidik. Beliau merupakan seorang yang layak dijadikan tokoh iaitu Prof Dr Tajul Shuhaizam Said. Seorang pendidik yang berjiwa pelajar serta mempunyai kesedaran yang tinggi dalam pendidikan. Terdapat segelintir pendidik yang sering kali mengabaikan pelajar sehingga pelajar ingin menunjukkan idea serta pendapat seringkali dinoktahkan dengan “saya sibuk”, “nanti”, “markah di tangan saya”, “awak pensyarah ke saya pensyarah” dan sebagainya (soal selidik responden 2021).

DAPATAN KAJIAN

Hubungan Positif Antara Efikasi Kendiri dan Kesejahteraan Psikologi

Kajian oleh Hanifatiah Hanim Hassim dan Faridah Mydin Kutty (2020) mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan antara efikasi kendiri dan kesejahteraan psikologi di kalangan pelajar sarjana muda pendidikan. Pelajar yang memiliki efikasi kendiri yang tinggi cenderung menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi yang lebih baik, yang penting untuk ketahanan dalam menghadapi cabaran akademik. Darjat dan pangkat adalah musuh utama dalam kegagalan meletakkan dan mengenal diri sebagai pendidik dan erti tanggungjawab. Kesejahteraan psikologi ini amatlah diperlukan bagi memwujudkan generasi yang kreatif. Dalam kajian studio base, kesemua pelajar sentiasa memaklumkan sebarang isu dan masalah dan diselesaikan dengan berbincang.

Sebarang pandangan dan idea didengari dan dibimbing, Hal ini menyebabkan kejayaan bagi studio bergantung kepada acara pengajaran dan pendekatan.

Kecerdasan Menghadapi Cabaran Sebagai Faktor Penentu

Kajian yang sama juga menunjukkan bahawa tahap kecerdasan menghadapi cabaran pelajar adalah sederhana, Kecerdasan ini mempengaruhi bagaimana pelajar menanggapi tekanan akademik dan sosial, serta kemampuan mereka untuk mengekalkan kreativiti dalam seni visual. Sehingga adanya segelintir tekanan daripada para akademik yang menekankan dengan ugutan markah, potong markah demi menarik dan menyekat pelajar untuk menyertai dan beradaptasi dengan kepakaran lain. Sehingga adanya pendidik menjadikan sasaran pelajar yang berkebolehan berada dibawah kendalinya demi kepentingan dan target tertentu. Disini pelajar harus jadikan ia sebagai cabaran untuk melawan secara beradab dan Bergama dengan menentukan jalan hidup berlandaskan sokongan sokongan dan dorongan yang tulus dalam mengawal dan menentukan pilihan sendiri atas keputusan hakiki setelah melakukan analisis dan penelitian sebenar-benarnya. Kecerdasan ini menentukan masa depan dan keputusan.



Sumber: Hasil kreatif Pelajar MSK 3042

Kekurangan Sokongan Emosi Dan Profesional

Kajian oleh Saqinah Ab Karim dan Noremy Md Akhir (2020) menunjukkan bahawa penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan dapat meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran insaniah pelajar. Namun, kekurangan sokongan emosi dan profesional dalam konteks pendidikan seni boleh menjejaskan perkembangan pelajar berbakat. Hal ini kerana terdapat segelintir pendidik hanya melepaskan tugas tanpa membantu, hanya mengajar ikut masa dan target tanpa memberi jalan dan menyelesaikan halangan yang dihadapi oleh pelajar. Dengan bantuan kecil ini pendidik mampu mewujudkan dan melahirkan pelapis dan penerus seni tanpa sedar. Sedikit perubahan yang diberikan memberi impak yang besar dalam hidup pelajar kelak. Bukannya menjadi ular sawa kenyang, dan pentingkan diri sendiri. Terutama mereka yang gilakan kuasa dan sudah berkhidmat lama dan menjada senior kepada pendidik junior. Budaya ini harus dihapuskan. Salah tetap salah ini akan menjadi salah satu punca dan penyebab emosi dan professional pada pelajar berkurangan.



Sumber: Pelajar MSK3042 (Tekad pelajar dalam mencari pengalaman dan ingin belajar)

Pentingnya Identiti Kreatif Dalam Pendidikan Seni

Kajian oleh Mohammad Yusof Arshad dan Siti Hajar Alias (2011) menunjukkan bahawa tahap kreativiti pelajar dalam program sains di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, adalah berkaitan dengan kemampuan mereka untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Ini menekankan pentingnya pembentukan identiti kreatif dalam kalangan pelajar seni visual. Pembentukan kreativiti artistik dan inovasi dalam kepentingan identiti, (safwan 2023,2024), banyak menekankan kepada lambang jati diri. Kebanyakan pendidik secara jujur hanya bijak pandai dalam kefahaman dan ilmiah bukan pada teknikal, seharusnya pendidik membantu mengasah bakat kekuatan pelajar mengikut gaya dan kekuatan. Di sini ianya mampu melahirkan penerus dan perintis baru dalam seni kreatif dan dunia seni. Pendidik seharusnya menjadi penyelamat bukan mematikan bakat. Pendidik ramai yang tidak suka pelajar lebih daripada dirinya, terutama yang bertopengkan senyuman palsu. Pengkaji berani mengatakan ini kerana, dunia seni ini indah & kejam. Kekuatan dan keberani inilah patut disemaikan dengan mewujudkan identiti yang kreatif.



Sumber: Pelajar MSK 3042

PERBINCANGAN

Ketahanan Individu dan Kreativiti

Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketahanan pelajar merupakan faktor penting dalam mengekalkan kreativiti di tengah tekanan akademik. Pelajar yang mempunyai efikasi sendiri tinggi mampu menyesuaikan diri dengan cabaran kurikulum, mengekalkan motivasi, dan terus menghasilkan karya yang berkualiti. Ini sejajar dengan kajian Hanifatiah Hanim Hassim dan Faridah Mydin Kutty (2020) yang menekankan hubungan positif antara efikasi sendiri dan kesejahteraan psikologi. Dalam kajian ini pelajar menunjukkan ketahanan dengan melalui 14 minggu kajian awal sehingga akhir. Disinilah proses pembentukan kreativiti artistic terbentuk dengan pengalaman dan fenomena formonologi.

Cabaran Kurikulum dan Sokongan Akademik

Tekanan akademik dan kekangan masa boleh membatasi ruang kreatif pelajar. Sokongan emosi, bimbingan yang konsisten, dan pengiktirafan usaha individu menjadi kunci untuk memastikan pelajar terus mengekalkan darjat pencapaian dalam seni. Kajian Saqinah Ab Karim & Noremy Md Akhir (2020) menegaskan bahawa aktiviti yang meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran insaniah dapat membantu pelajar mengekalkan motivasi. Dalam kajian ini juga, setiap minggu akan diadakan sesi pembentangan dan isu berkait. Disini ia dijadikan wadah perbincangan dan menyelesaikan dengan mendengar kesemua pandangan dan idea. Sokongan ini merupakan cabaran dan juga jalan alternatif yang terbaik kerana setiap pelajar berlatar belakang dan kemampuan pandangan berbeza.

Pembentukan Identiti Kreatif

Ketekunan dalam berkarya bukan sahaja meningkatkan kemahiran teknikal, tetapi juga membentuk identiti artistik. Pelajar yang dapat mengekalkan usaha mereka akan membina karya yang mencerminkan keunikan dan darjat pencapaian mereka. Dalam kajian ini, berjaya memupuk dan membentuk jati diri pelajar secara mengikuti model praktis studio seramik ini. Panduan dan dorongan diberikan secara menyeluruh. Hal ini menyebabkan pelajar mula ingin menunjukkan kebolehan dan bersaing secara sihat.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa ketahanan dan kreativiti individu adalah faktor utama dalam mengekalkan darjat seni di tengah cabaran akademik. Sokongan profesional dan emosi yang seimbang, bersama-sama dengan peluang untuk ekspresi kreatif, adalah elemen penting untuk pembangunan pelajar seni visual yang berdaya saing dan berkualiti. Apa yang diperolehi secara menyeluruh kajian ini adalah disiplin dan ketekunan pelajar dan menuntut ilmu dan belajar. Para pendidik seharusnya akur dan tulus mengajar dan membimbing pelajar bukan menjadi talam 2 muka serta musang berbulu ayam. Sepanjang kajian ini dijalankan peringkat dan tahap penyelidik sentiasa direndahkan dan dikritik oleh segelinitr pendidik. Masalah dan isu sering dilongtarkan, fitnah dan kata-kata kasar sering dilontarkan. Kesilapan orang lain sering dituju dan diperalatkan oleh segelintir pendidik. Sepanjang kajian ini dijalankan pemilihan penyelidik terhadap penyelia amatlah penting. Sehingga penyelidik bersyukur dan sujud syukur memperolehi penyelia yang tekun dan selayaknya dijadikan ikutan dan tokoh pendidik. Tanpa beliau penyelidik juga akan terpeson dari menghabiskan penyelidikan. Namun apa yang ingin ditegaskan disini adalah kreativiti dan ketahanan individu mampu menjunjung darjat seni di tengah cabaran akademik. Kejayaan itu datang dengan kehendak sendiri dan tanpa dorongan dan bimbingan ia sukar diperolehi. Berharap kajian ini dapat dijadikan rujukan dan panduan bagi penyelidik seterusnya.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada pasukan penyelidikan yang diketuai oleh Profesor Dr. Tajul Shuhaizam Said dalam projek FRGS 2020, yang telah memberikan komitmen, dedikasi serta kerjasama yang amat cemerlang sepanjang pelaksanaan kajian ini. Penghargaan turut ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atas sokongan dan tajaan di bawah Geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) yang membolehkan kajian ini direalisasikan dengan jayanya. Ucapan terima kasih juga dihulurkan kepada semua responden serta pihak-pihak yang terlibat atas kerjasama, sokongan, maklumat dan pandangan bernilai yang diberikan. Segala sumbangan dan bantuan tersebut amat bermakna serta menjadi faktor penting kepada kejayaan penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Abdullah, R., & Lee, S. H. (2022). Community-based art and social transformation in Southeast Asia. *Journal of Art and Society*, 14(2), 45–59.
- Ahmad, N. (2019). *Amalan lestari dalam seni kontemporari Malaysia: Analisis bahan dan pendekatan kreatif*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andreoletti, A. (2023). Performative raw clay: The aesthetics and materialities of unfired earth. *Culture Machine*, 17. <https://culturemachine.net/vol-17-thermal-objects/performative-raw-clay/>
- Avinal, S. (2024). Clay consistency in experimental art practices: Instant dialogues with ceramic material. *Journal of Interdisciplinary Art and Education*, 6(2), 112–126. <https://dergipark.org.tr/en/pub/jiae/issue/88519/1571062>
- Barrett, E., & Bolt, B. (Eds.). (2021). *Practice as research: Approaches to creative arts enquiry* (2nd ed.). Bloomsbury Academic.
- Bolt, B. (2016). *Art beyond representation: The performative power of the image*. I.B. Tauris.
- Bryant, L., Jamie, K., & Sharples, G. (2022). *Reading clay: The temporal and transformative potential of clay in contemporary scientific practice*. Durham University Research Repository. <https://durham-repository.worktribe.com/output/1219513/>
- Hashim, Z. (2018). Seni seramik dan identiti budaya Malaysia. *Jurnal Seni dan Reka Bentuk*, 6(1), 21–34.
- Holmes, S., & O’Leary, E. (2023). Keythings of clay: Material ecologies in art and pedagogy. *Research Catalogue: Journal of Artistic Research*. <https://www.researchcatalogue.net/view/3007138/3007139>
- Ismail, A. R., & Mohamed, N. (2021). Eksperimen tanah liat habu dalam seni seramik kontemporari Malaysia. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 9(1), 55–72. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2975>
- Lim, J. C. (2022). Material thinking and Southeast Asian ceramics: Revisiting earth, fire, and identity. *Asian Art Journal*, 18(2), 88–105.
- Maddams, A. (2023). Materiality, engagement, and scale: An ecology of architectural ceramics. *Anthropology of Architecture Journal*, 4(1), 44–59. <https://www.anthropologyofarchitecture.com/materiality-engagement-and-scale-an-ecology-of-architectural-ceramics/>
- Omar, M. (2020). Pendidikan seni dan kesinambungan warisan budaya dalam konteks tempatan. *Jurnal Pendidikan Seni Asia Tenggara*, 9(3), 55–67.
- Rahim, N., & Zainal, M. (2019). Isu tanah terbiar dan pembangunan mapan di Malaysia. *Jurnal Alam dan Pembangunan*, 5(2), 67–81.
- Rahman, A. A., & Tan, W. K. (2020). Contemporary Malaysian ceramics: Between tradition and innovation. *Asian Art Review*, 12(1), 87–102.
- Riot Material. (2024). *Melting point: Movements in contemporary clay*. <https://www.riotmaterial.com/melting-point-movements-in-contemporary-clay/>

- Roche, C. (2024). *The space of clay: An investigation of contemporary clay-based art practice as a site of embodied viewer experience*. University of Westminster Research Repository.
<https://westminsterresearch.westminster.ac.uk/item/wx441/the-space-of-clay-an-investigation-of-contemporary-clay-based-art-practice-as-a-site-of-embodied-viewer-experience>
- Yusof, N. (2021). Sustainable art practices: Integrating ecology and creativity in Malaysian art education. *International Journal of Creative Arts Studies*, 5(4), 33–49.